

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 26 RABU 28HB. JUN 1972 1392 رابو 16 جمادي الاول PERCHUMA

PENJUAL2 AYAM HANYA DI-BENARKAN MENJUAL SA-TELAH MEMPUNYAI PENYEMBELIH YANG SAH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penjual2 ayam di-Pasar Besar, Bandar Seri Begawan hanya akan di-benarkan menjual daging2 ayam kepada orang2 Islam sa-telah mempunyai penyembelih yang di-sahkan oleh Jabatan Hal-Ehwal Ugama.

Langkah ini di-buat ada-lah bagi mengatasi keraguan2 yang timbul terhadap penjual2 ayam yang bukan Islam yang menjual daging2 ayam kepada orang2 Islam.

Demikian di-nyatakan oleh Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Aziz dalam pertemuan khas dengan Pelita Brunei.

Beliau juga menyatakan bahawa semua restoran2, hotel2, kedai2 makan di-arahkan supaya ayam2 yang di-sediakan sa-bagai bahan makanan itu di-mestikan di-sembelih oleh orang Islam.



Y.B. Awang Haji Abdul Aziz.

Sa-lain dari itu, beliau juga mengumumkan bahawa mulai awal bulan Julai ini bangku akan di-sediakan bagi penternak2 ayam tempatan yang menternak sa-chara besar2an untuk menjual daging2 ayam mereka.

Bangku itu letak-nya berdekatan dengan bangku yang di-untukkan kepada penjual2 daging kerbau dari penternak2 kerbau luar bandar.

(Lihat muka 8)



Datin Rosnah kelihatan memotong pita untuk merasmikan pelancaran kapal ronda K.D. Nor'ain.

Pasar Malam akan di-adakan di-Bandar Seri Begawan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasar Malam dua kali seminggu akan di-adakan di-Bandar Seri Begawan sa-chara meluas tidak berapa lama lagi.

Pasar Malam itu akan ditempatkan di-satu kawasan di-Jalan Pretty ia-itu di-antara bangunan "ajong" berhadapan dengan tempat menjual minyak petrol hingga di-hadapan bangunan Persatuan Angkatan Pemuda Pemudi Kampong Sultan Lama.

Jalan besar yang membentang di-kawasan itu akan ditutup pada lalu lintas kenderaan apabila Pasar Malam itu di-adakan pada petang tiap2 hari Jumaat dan Sabtu.

Demikian menurut Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar dalam pertemuan khas dengan Pelita Brunei.

Menurut beliau bahawa sa-bagai langkah perhubungan, Pasar Malam itu akan di-adakan pada hari Khamis, 29hb. Jun ini untuk melihat keadaan.

Di-Pasar Malam itu, kata beliau, akan terdapat beraneka

barang2 saperti berbagai jenis pakaian dewasa dan kanak2, beraneka jenis kain, peralatan2
(Lihat muka 8)

NILAI MATA WANG BRUNEI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei telah membuat keputusan untuk mengikuti langkah Malaysia dan Singapura menggunakan ringgit Amerika, sa-bagai urusan kadar pertukaran bagi mata wang negeri ini.

Satu kenyataan kerajaan berkata, berikutan nilai mata wang Sterling tidak tetap, Kerajaan Brunei membuat keputusan sa-bagai satu langkah sementara untuk mengekalkan persamaan mata wang emas-nya dan menggunakan ringgit Amerika dengan tujuan bagi kemudahan peratoran pertukaran mata wang yang ada sekarang antara kerajaan2 Malaysia, Singapura dan Brunei.

Kadar rata yang akan di-gunakan bagi kadar pertukaran itu ialah satu ringgit Amerika bersamaan 2.81955 ringgit Brunei. Dengan yang demikian, menurut kenyataan itu, peratoran nilai mata wang yang boleh di-tukar2 antara Malaysia, Singapura dan Brunei tidak berubah.

Malaysia dan Singapura pada hari Sabtu lalu membuat keputusan untuk menggunakan ringgit Amerika sa-bagai urusan kadar pertukaran bagi mata wang-nya.

SA-BUAH LAGI KAPAL RONDA UNTOK A.M.D.B.

SA-BUAH lagi kapal ronda untuk pasukan Askar Melayu Diraja Brunei telah dilancarkan di-Singapura.

Pelancaran kapal tersebut telah di-lakukan oleh Datin Rosnah binte Abdullah, isteri Penasehat Umum Kebawah D.Y.M.M. Al-Sultan Brunei dalam satu upacara yang telah di-adakan di-limbungan benakapal Thornycroft di-Tanjong Rhu, Singapura pada 20hb. Jun yang lalu.

Kapal yang di-beri nama K.D. Nor'ain itu ada-lah kapal ronda yang ketiga di-bena oleh Sharikat Pembinaan Kapal Vosper Thornycroft. Dua buah kapal ronda yang lain ia-lah K.D. Saleha dan K.D. Masna. Kapal2 tersebut telah tiba di-Brunei dalam bulan Februari tahun lepas.

Hadhir di-upacara pelancaran kapal tersebut ia-lah Pemangku Pemerintah Askar Melayu Diraja Brunei, Lt. Col. Dato Davies dan Datin Davies, Pegawai Pemerintah Pasukan Laut AMDB, Major P.G. King, Wakil Surohanjaya Tinggi British di-Singapura dan pegawai2 kanan Askar Melayu Diraja Brunei.

Kapal ronda K.D. Nor'ain di-jadualkan berlepas dari Singapura ka-Brunei dalam bulan Ogos ini.

Mendirikan rumah sa-orang janda yang tidak berkemampuan



Gambar atas menunjukkan perajurit2 itu bersama2 dengan tiga orang pegawai2 dari Jabatan Kebajikan yang terdiri dari No. 3 dari kanan, Pegawai Luar, Awang Abdul Wahab bin Tengah; Pengawas Persatuan2 Belia, Pengiran Tuah bin Pengiran Md. Daud dan di-belakang ia-lah Awangku Yassin bin Pengiran Ahmad, Pekerja Kebajikan.

Lain2 gambar menunjukkan ketika perajurit2 itu sedang bekerja mendirikan rumah baru janda tersebut.

GADONG. — Dalam minggu lepas, satu gerakan kerja untuk mendirikan sa-buah rumah bagi sa-orang janda yang tidak berkemampuan telah di-laksanakan atas usaha Jabatan Kebajikan.

Rumah itu di-dirikan berdekatan dengan rumah lama yang di-punyai oleh janda itu yang letak-nya di-Batu 8 Jalan Gadong.

Kerja2 pembinaan itu di-laksanakan oleh 12 orang perajurit dari Askar Melayu Diraja Brunei dengan di-bantu oleh kaki-tangan Jabatan Kebajikan dan ahli2 Persatuan Belia Kilanas.

Pembinaan rumah itu di-jangka siap dalam masa tiga minggu dan semua peralatan-nya ia-lah dari bantuan Jawatankuasa Anak2 Yatim Daerah Brunei dan Muara, Sharikat Haji Abang di-Tutong dan Jabatan Kebajikan sendiri.

Atap bagi rumah itu di-dermakan oleh Jawatankuasa Anak2 Yatim di-Daerah Brunei dan Muara, kayu di-dermakan oleh Sharikat Haji Abang dan lain2 peralatan ada-lah disediakan oleh Jabatan Kebajikan.

Janda itu mempunyai empat orang anak dan suami-nya telah meninggal beberapa tahun yang lalu. Menurut ibu itu bahawa tempat mereka tinggal sekarang ada-lah berjauhan dari saudara-mara-nya yang juga berpendapatan rendah dan mempunyai keluarga yang ramai pula.

53 memohon untuk lanjutkan pelajaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran telah menerima 53 permohonan dari penuntut sekolah2 menengah Inggeris untuk melanjutkan pelajaran mereka di-United Kingdom bagi tahun 1972/73 atas dermasiswa kerajaan Brunei.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan itu berkata, temu-duga untuk memilih calon2 yang berkelayakan akan di-adakan tidak berapa lama lagi.

Juruchakap itu berkata, calon2 yang terpilih di-jangka akan di-hantar ka-universiti2 di-United Kingdom pada penghujung bulan Ogos.

PGGMB akan menderma \$10,000

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persekutuan Guru2 Melayu Brunei akan menderma \$10,000.00 sa-bagai sumbangan kepada peruntukan pembinaan stadium yang di-ran-changkan, bagi memperingati lawatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen ka-negeri ini.

Ketika mengumumkan demikian, Setia Usaha Agong PGGMB, Awang Omar bin Mohammad berkata, keputusan untuk memberikan derma itu telah di-chapai di-satu majlis meshuarat yang di-adakan pada hari Jumaat lepas.

Pusat latehan peladang akan di-bena di-Kilanas

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan sedang mempelawa tawaran bagi pembinaan sa-buah pusat latehan peladang di-Steshen Pertanian Kilanas.

Pusat tersebut antara lain akan di-lengkapkan dengan sa-buah dewan sharahan dan rumah2 kediaman yang boleh menampung sa-ramai dua puluh orang.

Ia-nya akan di-gunakan sa-bagai pusat latehan bagi peladang2 yang menjalani kursus2 pertanian anjoran Jabatan Pertanian.

Jabatan Pertanian juga akan menggunakan pusat tersebut, untuk mengadakan kursus2 pertunjukkan dan kursus ulang kaji bagi kaki-tangan jabatan itu.



LUMBA PERAHU SEMPENA HARI KEPUTERAAN D.Y.M.M. SULTAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Temasha lumba perahu dan moto-sangkut akan di-adakan di-Sungai Brunei pada hari Ahad 16hb. Julai. Temasha tersebut ada-lah salah satu acara perayaan sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-26 tahun.

Sa-banyak 11 jenis acara perlumbaan — ia-itu sembilan lumba perahu dan dua moto-sangkut akan di-pertandingkan dalam temasha itu.

Lumba perahu ia-lah bagi sa-orang, lima orang, 10 orang, 15 orang, 20 orang dan 27 orang, sementara bagi moto-

sangkut ia-lah bagi ingin yang bertenaga 18 kuda dan 40 kuda.

Sa-lain daripada itu perlumbaan perahu bagi 15 orang terbuka kepada penuntut2 perempuan dan laki2 juga akan di-adakan dalam temasha itu.

Perlumbaan perahu tahunan antara pejabat2 kerajaan adalah merupakan satu acara yang menarik dalam temasha itu nanti.

Borang2 untuk menyertai perlumbaan2 tersebut boleh di-dapati dari Setia Usaha Perlumbaan, Awang Haji Sahari bin Idris, Jabatan Kastam Diraja, Bandar Seri Begawan. Tarikh penutup ia-lah 10hb. Julai.



KHUTBAH JUMA'AT

BARU2 ini kita telah mendengar berita menerusi Radio Brunei dan membaca berita menerusi akhbar2 tempatan bahawa Brunei tidak lama lagi akan mempunyai sa-buah stadium bagi tanda kenangan atas keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth ka-negeri ini pada 29hb. Februari yang lalu. Menurut berita itu Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah memperkenankan perlintakan sa-buah Jawatankuasa Tanda Peringatan sempena lawatan tersebut.

Kita telah sama2 maalam bahawa pembinaan stadium itu akan di-tang-gong sa-bahagian perbelanjaan-nya oleh raayat dan pen-duduk Negeri Brunei dengan chara kutipan2 derma melalui jawatankuasa2 kecil yang akan di-lantik atau menerusi Setiausaha Agong Jawatan-kuasa yang berkenaan dan sa-bahagian-nya akan di-tang-gong oleh kerajaan Duli Yang Maha Mulia.

Menyentuh tentang hal ini kita sukacita memetik ulasan pengarang akhbar 'Pelita Brunei' keluaran 14hb. Jun, 1972 yang antara lain berbunyi:

"Keputusan bagi pem-binaan sa-buah stadium di-negeri ini ada-lah satu keputusan yang bijaksa-na memandag kepada keadaan negara kita yang sa-makin berkem-bang ini dan juga ada-lah sa-laras dengan per-tumbuhan raayat pada menyambangi semangat kesukanan. Menjadi satu tanda kenangan yang bersejarah seperti yang di-katakan oleh kenyata-an jawatankuasa itu ada-lah satu perkara yang tidak dapat di-tolak, bahkan ia-nya ada-lah satu perkara yang amat

penting dari segi peradaban bangsa kita yang sentiasa menghormati sa-suatu yang bertujuan baik".

"Stadium ada-lah satu lapangan yang menjadi idaman sa-bilangan besar

raayat terutama-nya di-kalangan ahli2 sukan dan penchipta2 sukan tanah ayer. Tagehan2 untuk mendirikan sa-buah stadium di-Brunei sudah semakin meluas sekarang yang tidak hanya pada memikirkan untuk pertumbuhan jasmani raayat yang subur dan berfaedah kepada negara, bahkan juga dari segi tagehan2 terhadap mutu sukan yang mana Brunei sejak akhir2 ini telah turut melibatkan diri dalam bidang sukan antara bangsa".

Di-samping itu kita ingin menyentoh tentang penyertaan raayat dan penduduk negeri untuk membiayai pembinaan stadium tersebut.

Peluang yang di-berikan supaya raayat dan penduduk negeri ini sama2 menyertai bagi

"Dasar Ugama Islam mengkehendaki di-perkukuhkan semangat kerjasama dan perpaduan bagi mencapai yang baik dan berkebakikan"

membelanjai membina stadium itu patut-lah mendapat perhatian dan sokongan yang sa-wajar-nya oleh semua golongan raayat dan penduduk terutama-nya dari golongan ahli2, peminat2 dan peng-gemar2 sukan negeri ini. Karena di-dalam keadaan dan tim-bul-nya kehendak2 sa-umpama ini-lah kita sa-patut-nya mem-boktikan semangat kerjasama antara raayat dengan Kerajaan dan menunjukkan perasaan ta'at setia yang tidak berbelah bagi kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan Kerajaan Baginda.

Tarikh pendaftaran naik haji di-lanjutkan

BANDAR SERI BEGAWAN. —. Pendaftaran untuk menunaikan fardhu haji dengan kapal laut bagi musim haji tahun 1972/1973 ada-lah di-lanjutkan hingga 13hb. Julai, 1972.

Sa-orang juruchakap Jabatan Hal Ehwal Ugama mengingatkan orang Islam yang hendak menunaikan fardhu haji dengan kapal laut yang belum lagi mendaftarkan nama mereka supaya mendaftar dengan segera di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, Kuala Belait, Tutong dan Temburong sa-belum tarikh yang di-tetapkan itu.

PEMBENAAN STADIUM

Hal ini ada-lah sa-laras dengan dasar dan kehendak2 ugama Islam yang mengkehendaki supaya di-perkukuhkan semangat kerjasama dan perpaduan untuk mencapai matalamat yang baik dan berkebakikan dan mengkehendaki supaya raayat sentiasa menumpahkan ta'at setia yang penoh kepada Allah dan Rasul-nya serta pemerintah kita. Sa-bagaimana firman Allah di-dalam ayat (2) suratul Mae-dah yang bermaksud:

"Dan bertolong2an-lah kamu (wahai orang2 yang beriman) di-atas perkara kebajikan dan takwa". Dan, firman-nya lagi di-dalam ayat (59) Suratun-Nisa yang bermaksud: "Wahai orang2 yang beriman ta'at-lah kamu kepada Allah dan ta'at-lah kepada pesuruh Allah dan pemerintah daripada kamu".

Oleh yang demikian, maka mari-lah kita seluruh raayat dan penduduk negeri Brunei yang berkemampuan akan sama2 menghulurkan derma kepada pehak jawatankuasa yang berkenaan itu nanti bagi maksud melaksanakan pem-binaan stadium yang di-chadangkan itu.

Kelas2 hadharah, gulin-tangan dan tarian asli anjoran M.B.B.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Belia2 Negeri Brunei akan mengadakan kelas2 hadharah, gulin-tangan dan tarian asli mulai awal bulan depan, bertempat di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan.

Sa-orang juruchakap Majlis Belia2 berkata kelas2 tersebut ada-lah terbuka kepada semua persatuan2 belia dan kebajikan di-negeri ini. Tujuan mengadaka kelas2 tersebut ia-lah untuk menghidupkan semula kebudayaan dan adat istiadat Brunei dan mendorong belia2 menyedari akan pusaka yang di-waritih mereka itu.

Beliau berkata sa-tiap per-

satuan hanya di-benarkan menghantar lima orang ahlinya dan kelas2 itu di-adakan dengan perchuma.

Kelas2 bagi hadharah dan tarian kebudayaan akan di-adakan pada tiap2 hari Jumaat dan Ahad mulai jam 2.00 hingga 4.00 petang sementara gendang gulin-tangan pada tiap2 hari Khamis dan Sabtu mulai jam 5.00 petang hingga 7.00 malam.

Borang2 masuk sekarang boleh di-dapati dari Awang Abdul Wahab bin Tengah di-Jabatan Kebajikan Negera, Bandar Seri Begawan.

Borang2 itu hendak-lah di-kirinkan tidak lewat dari 28hb. Jun ini.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 28hb. Jun, 1972 hingga ka-hari Selasa 4hb. Julai, 1972 ada-lah seperti di-bawah ini:-

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
28hb. Jun	12-29	3-49	6-40	7-52	4-38	4-53	6-10
29hb. Jun	12-29	3-49	6-40	7-52	4-38	4-53	6-10
30hb. Jun	12-29	3-49	6-40	7-52	4-38	4-53	6-10
1hb. Julai	12-29	3-51	6-41	7-52	4-38	4-53	6-11
2hb. Julai	12-29	3-51	6-41	7-52	4-38	4-53	6-11
3hb. Julai	12-29	3-51	6-41	7-52	4-38	4-53	6-11
4hb. Julai	12-29	3-51	6-41	7-52	4-38	4-53	6-11

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

(28hb. Jun, 1972).

ANTI KAMAH

MAJLIS Belia2 Negeri Brunei akan melancarkan gerakan "anti kamah"-nya sebagai satu projek-nya menjelang perayaan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan pada tahun ini.

Pernyataan "kamah" itu berarti kotor dan kotor itu-lah yang hendak di-bersekan dalam gerakan Majlis Belia2 itu. Projek ini, nampak-nya telah menarik perhatian pihak Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan apabila kita ikuti yang lembaga itu bersedia memberikan kemudahan2 yang di-perlukan dalam gerakan membersekan bandar itu.

Walau pun pada 9hb. Julai ini, gerakan anti kamah itu di-adakan, namun demikian tidak-lah berarti yang pekerja2 biasa Lembaga Bandaran itu pula tidak membuat kerja masing2, sebalik-nya mereka juga, kita yakin akan memberikan kerjasama sa-bagai pekerjaan biasa bagi mereka.

Sa-kilas pandang, projek ini kelihatan kecil saja, tetapi mempunyai pengertian yang boleh memberi kesan kepada kesempurnaan bandar khas-nya dan penanaman semangat chintakan kebersihan di-kalangan orang ramai.

Langkah seperti yang di-buat oleh MBB itu ada-lah di-alu2-kan oleh Kerajaan, kerana sa-lama ini Kerajaan senantiasa menyeru kepada orang ramai supaya memberikan kerjasama dalam lapangan2 yang sesuai demi untuk kepentingan negara kita sendiri.

Dalam gerakan itu nanti, tentu-nya akan melibatkan berpuluh2 orang belia yang terdiri dari ahli2 persatuan yang bergabung dengan majlis itu. Dan, tentu-nya pula, langkah tersebut di-sifatkan sa-bagai satu jalan printis untuk menyedarkan belia2 khas-nya terhadap kebersihan yang menjadi punca penting terhadap kesihatan rayat.

Apa yang menjadi keinginan kita dalam gerakan itu nanti ia-lah belia2 itu akan benar2 memberikan kerja2 yang bersungguh2 dan dapat menherminkan tujuan2 penting projek itu. Kita yakin bahawa belia2 yang mengambil bahagian dalam gerakan itu nanti termasuklah belia2 yang biasa dengan kerja2 ringan seperti di-nabab2 dan lain2-nya. Jika kerja2 itu berjaya di-lakukan, maka ia-nya akan dapat memberikan kesan lagi, kerana mereka itu bukan-lah biasa dengan kerja2 sa-mamamam itu tetapi dapat melaksanakan-nya dengan memusatkan.

Di-samping itu, projek yang sa-umpama ini harus-lah menarik perhatian kepada orang2 yang tinggal dalam bandar, khas-nya di-kedai2 dan bangunan2 seperti rumah2 pangsa dari mana terdapat bayangan2 yang sa-olah2 kekotoran itu tidak dapat di-elakkan. Dari gerakan itu, mudah2an akan dapat menyedarkan lagi mereka itu supaya lebih hati2 pada berusaha mengelakkan kekotoran itu atau membiarkan Kerajaan untuk bertindak melalui undang2.



Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara, Pengiran Haji Abu Bakar ketika bersabda merasmikan pembukaan sambutan Hari Pelajar di-Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria pada hari Ahad lepas.



Murid2 di-Sekolah Melayu Muhammad Alam telah juga menunjukkan berbagai2 tarian yang antara-nya termasuklah tarian payong dan tarian yang memakai pakaian seperti anak2 kapal. Mungkin juga tarian ini bernama "tarian kelasi".



Tiga orang guru sedang menyaksikan model bangunan Sekolah Melayu Lambak yang ada sekarang yang di-buat oleh guru2 petah yang mengajar di-sekolah itu sempena sambutan Hari Pelajar di-situ.

HARI PELAJAR MENCHUNGKIL BAKAT DAN KEBOLEHAN MURID2

SEJAK pembukaan rasminya pada 10hb. Jun yang lalu, sa-banyak 94 buah sekolah2 Melayu seluruh negeri ini telah menyambut HARI PELAJAR sa-hingga semalam.

Di-seluruh sekolah2 itu dari empat penjuru daerah dalam negeri ini, Belait, Tutong, Temburong dan Brunei/Muara berbagai2 kegiatan telah diperlihatkan oleh murid2 dari lapangan2 pelajaran dalam darjah hingga membawa kapada kegiatan2 kerajinan tangan dan sokan.

Di-satengah2 sekolah telah memperlihatkan kebolehan yang menarik seperti beraneka kerja kerajinan tangan murid2.

Kebolehan2 yang di-tunjukkan oleh satengah2 murid yang rata2 berumur 13 tahun ka-bawah itu ada-lah membayangkan betapa pada satu ketika nanti, negeri ini akan mempunyai raayat yang serba berkebolehan yang guna-nya amat besar terhadap pembangunan negara.

Hari Pelajar pada umumnya telah menchungkil bakat dan kebolehan murid2 yang tidak hanya dalam bidang2 pelajaran biasa, tetapi juga dalam lapangan kerajinan tangan yang banyak di-salurkan dari daya imajinasi yang kadang-kala pendidekan yang kadang-kala mena'ajutkan guru2 dan pe-lawat2 khas serta pga ibu

bapa murid2 itu sendiri.

Pendidekan2 kesenian dan kebudayaan juga mengambil tempat sa-bagai satu landasan untuk memimpikan anak2 yang maseh rebong itu mengenali akan seni budaya bangsa-nya. Tidak hanya sa-takat kebudayaan dan kesenian bangsa Melayu saja, tetapi juga murid2 itu di-perkenalkan dengan kesenian2 bangsa2 lain yang bertujuan untuk mengkaji dan mengenali-nya apakah kebudayaan2 bangsa lain itu sesuai dengan diri kita.

Pendidekan urusan rumah tangga telah juga di-perlihatkan dimana murid2 perempuan menunjukkan kebolehan sa-waktu bekerja di-dapur. Didekan ini juga ada-lah penting untuk mengekalkan keharmonian rumah-tangga di masa depan dan mengelakkan dari bermesera2 dengan "ringkat" untuk membeli barang2 makan di-kedai yang sudah tentu tidak menjimatkan itu.

Para ibu bapa, ketika berkunjung ka-sekolah anak2 mereka di-iringi dengan senyum gembira bila melihat kebolehan anak2 itu, lalu kedegaran kata2 yang bersemangat untuk mendorong anak2 mereka melangkah lebih jauh lagi ka-jambangan ilmu pengetahuan.



Di-Sekolah untuk anak2 anggota Askar Melayu Diraja Brunei, sa-lain dari kegiatan2 dalam sekolah, mereka juga mengadakan berbagai2 acara sokan antara-nya termasuklah tarik tali, sa-jenis sokan yang di-gemari di-Brunei pada masa ini. Kelihatan dalam gambar ini ketika murid2 itu lelaki dan perempuan beradu tenaga.



Sa-bahagian guru2 telah mengambil langkah yang bijak bilamana mereka menunjukkan kerja2 yang berdaya untuk menarik perhatian murid2 seperti membuat model bangunan sekolah dan lain2 kerja yang berchorak pendidekan.

Para guru juga menerima segala pendapat2 yang di-kemukakan dan bersedia mempraktikkan mana2 yang sesuai demi untuk kepentingan kemajuan pelajaran di-negeri ini.

Guna-nya Hari Pelajar ada-lah amat besar sama ada pada memaju-kembangkan pelajaran, mahu pun memeserakan hubungan antara ibu bapa dan penjaga2 murid dengan guru2 untuk sama2 berganding mahu memikirkan keperluan pelajaran anak2 bangsa kita.

Namun demikian, di-satengah2 sekolah terdapat kurang sambutan-nya dari kalangan para ibu bapa dan penjaga2 murid itu. Sa-bahagian ibu bapa dan penjaga2 murid bersungut kerana Hari2 Pelajar itu di-adakan bukan dalam masa hari kelapangan mereka yang menyebabkan mereka sukar untuk datang ka-sekolah, sekali pun keinginan amat besar untuk melihat anak2 dengan kegiatan2 di-sekolah itu.



Di-Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Hari Pelajar tidak hanya di-isikan dengan acara2 untuk murid2 sahaja, tetapi juga kapada para ibu. Kelihatan gambar atas, empat orang ibu dan sa-orang anak sedang melihat masak2an sambil ketawa riang. Mungkin juga ada di-antara-nya yang ingin merasa masakan itu.



Lihat! Mereka sudah pun pandai menguruskan kerja2 di-dapur. Ini penting buat masa depan mereka. Ini-lah dua orang murid di-Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Seri Begawan sedang giat menunjukkan kebolehan mereka dalam sambutan Hari Pelajar di-sekolah itu.



Di-Junjongan, dalam kawasan Brunei III dapat di-lihat kegiatan2 murid yang mengagumkan. Gambar ini menunjukkan bakat murid2 di-Sekolah Melayu Junjongan dalam menjadikan bahan2 yang tidak berguna kapada yang berguna dan menarik pandangan.

Luar bandar kaya dengan kerajinan tangan yang menarik. Gambar yang di-ambil dalam temasya Hari Pelajar di-Sekolah Junjongan ini menunjukkan beberapa biji "takiding" yang chantek dan lain2 anyaman dan gubahan2 bunga hasil kerja dari kaum ibu di-kampung itu. Sa-bahagian-nya juga di-buat oleh murid2 perempuan.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

SA-BAGAI TALIGRAP OPERATOR

Permohonan2 ada-lah di-pe-lawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk jawatan sa-bagai Taligrap Operator di-Jabatan Talikom, Brunei yang mana tugas permulaan-nya ada-lah di-kawasan Kuala Belait — Seria.

Kelayakan2:

Pemohon2 hendak-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan III Inggeris satu yang sebanding dengan-nya. Hanya pemohon2 yang fasih bertutor dalam bahasa Melayu dan Inggeris akan di-pertimbangkan.

Umur di-antara 17 hingga 25 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2-3 EB 4 — \$230x10-290x15-380-410x20-510 / EB / 540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-pe-nahkan dalam borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 1hb. Julai, 1972.

SA-BAGAI PEMBANTU PENYELIDEK

Permohonan2 ada-lah di-pe-lawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Pembantu Penyelidik di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah sa-kurang2 lulus Sijil Pelajaran Malaysia atau yang sa-banding dengan-nya dan mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu.
- Mesti-lah mempunyai pengalaman dalam kerja2 penyelidikan Bahasa dan Sastera Melayu serta boleh membaca dan menulis Jawi.

sa dan Sastera Melayu serta boleh membaca dan menulis Jawi.

Mereka yang tidak mempunyai kelulusan yang tersebut di-atas tidak perlu memohon.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2-3-EB4 \$230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-pe-nahkan dalam borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 1hb. Julai, 1972.

SA-BAGAI STOREMAN TINGKAT II

Permohonan2 ada-lah di-pe-lawa daripada chalu2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan Storeman Tingkatan II di-Pejabat Polis, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Chalu2 mesti-lah terdiri daripada kaum lelaki, berumur antara 18 hingga 25 tahun dan mesti-lah mempunyai sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran serta fasih menulis dan bertutor dalam bahasa Inggeris. Chalu2 mesti-lah mahir dalam kerja2 setor dan card index System. Kebolehan menaip ada-lah perlu. Mempunyai pengetahuan sa-banyak sedikit mengenai alat2 elektrik dan radio merupakan suatu kelebihan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 2-3 EB 4 — \$290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalu2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama tiga tahun termasuk masa perhubungan sa-lama 6 bulan. Bagi chalu2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan

di-lantek ka-jawatan tetap selepas satu tempoh perhubungan.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalu2 yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat.

Sa-bagai Juru Pemuleh Anggota

Permohonan2 ada-lah di-pe-lawa daripada Juru2 Pemuleh Anggota yang berkelayakan untuk memenohi jawatan2 kosong di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Kelulusan yang lazim-nya di-perlukan ia-lah Chartered Physiotherapist (United Kingdom) atau kelulusan bersama-an yang di-akui.

Gaji:

Dalam sukatan gaji BW 1 — \$1090-1140x40-1300. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Duration:

Satu kontrek sa-lama tiga tahun dan pembaharuan kontrek ada-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Permohonan2 mesti-lah di-pe-nahkan dalam borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 30hb. Jun, 1972.

Baksis:

Baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-pe-nahkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembali bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada-nya tidak lewat daripada 17hb. Julai, 1972.

Perlawanan bola 7 orang sa-pasokan

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Persatuan Angkatan Belia Burong Pingai Berakas, PERANGKAB akan menganjorkan perlawanan bola sepak tujuh orang sa-pasokan. Perlawanan yang akan di-jalankan sa-chara kalah mati itu ada-lah sa-bagai sa-bahagian dari perayaan sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-26 tahun.

Perlawanan itu ada-lah terbuka kepada semua persatuan2 belia dan kebajikan, kelab2, maktab2 dan sekolah2 menengah di-negeri ini.

Sa-orang juruchakap bagi persatuan itu berkata, sa-tiap persatuan, kelab, maktab dan

sekolah menengah boleh menghantarkan dua pasukan yang terdiri dari tujuh orang pemain dan tiga orang simpanan dalam satu pasokan.

Bayaran masuk bagi satu pasukan ia-lah \$8.00 dan \$15.00 bagi dua pasukan.

Borang2 masuk boleh di-dapati dari Awang Bakri bin Pehin Bendahari Haji Omar di-Pejabat Daerah Brunei-Muara, Awang Ahmad bin Ghafar di-Dewan Bahasa dan Pustaka dan Awang Abdul Wahab bin Tengah di-Jabatan Kebajikan Masyarakat di-Bandar Seri Begawan.

Borang2 itu mesti-lah di-kembalikan tidak lewat dari 10hb. Julai, 1972.

oleh: m. sallah ibrahim **SI-TUYU**



Peraduan Ratu Kebaya

TUTONG. — Peraduan Ratu Kebaya, Baju Kurong, feshion, pakaian beragam dan bentok badan chantek akan di-adakan di-Daerah Tutong bersempena dengan hari puja usia Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Peraduan Ratu Kebaya adalah terbuka kepada gadis yang berumur 15 tahun ka-atas dan bermastautin di-daerah itu, sementara peraduan Ratu Baju Kurong terbuka kepada gadis yang berumur 15 tahun ka-atas dan tinggal di-negeri ini, tidak kurang dari enam bulan.

Peraduan feshion terbuka kepada kanak2 perempuan berumur antara 7 hingga 12 tahun yang tinggal di-Daerah Tutong.

Peraduan bentok badan chantek terbuka kepada lelaki berumur 17 tahun ka-atas yang diam di-Brunei tidak kurang dari enam bulan. Peraduan pakaian beragam terbuka kepada lelaki berumur 17 tahun ka-atas dan budak2 berumur antara 8 hingga 13 tahun bagi penduduk2 di-Daerah Tutong sahaja.

Borang2 untuk menyertai peraduan2 itu boleh di-dapati dari jawatankuasa yang meng-anjorkan-nya dan ia-nya hendak-lah di-kembalikan kepada setiausaha peraduan, Awang Samad bin Yahya di-Jabatan Letrik, Tutong tidak lewat dari 20hb. Julai.

Lawatan ka-J.P.P.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai empat belas orang penuntut dari Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah dan Sekolah Menengah Arab Raja Isteri Anak Damit di-Bandar Seri Begawan telah melawat Jabatan Penyiaran dan Penerangan pada minggu lalu. Sa-masa lawatan itu mereka telah di-beri penerangan mengenai dengan tugas2 jabatan itu.



GAMBAR atas menunjukkan tiga orang jagoh kumbang yang telah berjaya dalam peraduan kumbang yang telah di-adakan di-Padang Besar Bandar Seri Begawan pada minggu lalu. Awang Zakaria bin Hj. Ahmad (di-tengah2) telah berjaya menjadi Johan; Awg. Adinin bin Maylin (kiri) naib-johan dan Ak.

Muhammad bin Pengiran Ludin pemenang ketiga. Awang Adinin juga telah berjaya menjadi naib-johan dalam peraduan silat.

Awang Zakaria akan mewakili Daerah Brunei-Muara dalam Peraduan Kuntaw Perengkat Negeri.

NADZIR Kelas Pelajaran

Dewasa, Che'gu Awang Abdul Hamid bin Othman telah menyampaikan sijil2 kepada 23 orang pelajar kelas pelajaran dewasa di-Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas di-Subok pada hari Ahad lepas.

Sembilan dari mereka telah menerima sijil2 perengkat permulaan, sementara empat belas lain-nya perengkat tertingi.

Pada sebelah petang-nya beliau telah menyampaikan sijil2 yang sama kepada penuntut2 kelas pelajaran dewasa yang lulus dalam peperiksaan di-Sekolah Melayu Menteri.

Che'gu Awang Abdul Hamid juga telah menyampaikan hadiah2 kepada pelajar2 kelas pelajaran dewasa di-Sekolah Melayu Junjongan yang telah menyambut Hari Pelajar pada hari itu.

Gambar bawah menunjukkan Che'gu Awang Abdul Hamid kelihatan sedang menyampaikan hadiah kepada salah sa-orang pelajar dewasa di-Sekolah Melayu Junjongan.



Ketetapan menanam padi 1972/1973 bagi Daerah Brunei-Muara

Berikut ia-lah ketetapan masa bertanam padi di-Daerah Brunei dan Muara yang di-putuskan dalam mashuarat Penghulu2 dan Ketua2 Kampong Daerah Brunei dan Muara yang bersidang di-Dewan Kemashahakatan, Bandar Seri Begawan pada 19hb. Jun, 1972.

Bil:	Tempat (Mukim)	Sedia Sawah	Mulai Menyemai	Mula Bertanam	Habis Bertanam
1.	Kilanas	5.7.1972	30.8.1972	30.9.1972	15.11.1972
2.	Tanjong Bunut	"	20.8.1972	"	"
3.	Sengkabung—Mulaut	"	30.8.1972	"	"
4.	Tanjong Nangka	"	"	"	"
5.	Kulapis	"	"	"	"
6.	Bebatik	"	"	"	"
7.	Lumapas—Junjongan	1.8.1972	20.8.1972	29.9.1972	29.11.1972
8.	Tandisan Kasat	5.7.1972	30.8.1972	30.9.1972	15.11.1972
9.	Naribong—Ba'aong	"	"	"	"
10.	Batong	"	"	"	"
11.	Imang	"	"	"	"
12.	Masan	"	"	"	"
13.	K. Lurah—Babuloh LAMAU MANIS	"	"	"	"
14.	Pengkalan Batu	"	"	"	"
15.	Bengkabung	"	"	"	"
16.	Menunggol Laut Palau Baru-Baru	"	"	"	"
17.	Beribi Mata-Mata	30.7.1972	8.7.1972	30.9.1972	30.11.1972
18.	Tanah Jambu	"	"	"	"
19.	Mentiri	"	"	"	"
20.	Selambigar	"	"	"	"
21.	Kapok—Serasa	5.7.1972	30.8.1972	30.9.1972	15.11.1972
22.	Sungai Hanching	30.6.1972	8.9.1972	30.9.1972	15.11.1972
23.	Lambak	"	"	"	"
24.	Madang—Tilong	"	"	"	"
25.	Sungai Akar—Manggis	"	"	"	"
26.	Delima I	"	"	"	"
27.	Kiarong—Rimba Tungku	"	"	"	"

TANAMAN PADI TUGGAL (BUKIT) MUSIM 1972—1973

Bil:	Tempat (Mukim)	Tebasan Hutan	P. Tebas Hutan	Membakar Tebasan	Habis Menunggol
1.	Delima I—Lambak dan Berakas	5.6.1972	6.8.1972	10.9.1972	30.9.1972
2.	Terunjing	"	"	"	"
3.	Madang	"	"	"	"
4.	Sungai Asam	"	"	"	"
5.	Sungai Hanching	"	"	"	"
6.	Subok	15.6.1972	14.6.1972	13.7.1972	12.9.1972
7.	Belimbing	"	"	"	"
8.	Menunggol—Riong	"	"	"	"
9.	Rimba	"	"	"	"
10.	Gadong	"	"	"	"
11.	Pengkalan Batu	10.7.1972	19.8.1972	24.9.1972	23.10.1972
12.	Burong Lepas	5.6.1972	14.7.1972	18.8.1972	17.9.1972
13.	Junjongan	"	"	"	"
14.	Tanjong Kindana	"	"	"	"
15.	Sungai Besar	"	"	"	"
16.	Beribi—Mata-Mata	"	"	1.9.1972	"
17.	Jerudong	1.6.1972	"	18.9.1972	"
18.	Menunggol—Riong	"	"	"	"
19.	Lugu	25.6.1972	"	"	"
20.	Kiarong	15.6.1972	"	"	"
21.	Kiulap	"	"	"	"
22.	Pudak	"	"	"	"
23.	Sardang	"	"	"	"
24.	Madang—Tilong	"	"	"	"
25.	Sungai Akar—Manggis	"	"	"	"
26.	Lumapas	15.6.1972	"	"	"
27.	Pudak—Kuala Brunei	"	"	"	"
28.	Lamau Manis	"	"	"	"

PROJEK "ANTI KAMAH" DI-LANCHARKAN 9HB. JULAI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Belia2 Negeri Brunei akan menganjurkan projek 'ANTI KAMAH' di-kawasan Bandar Seri Begawan pada 9hb. Julai depan untuk membersekan bandar menjelang sambutan Hari Puja Usia D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-26.

Sa-ramai 10 orang wakil tiap2 persatuan belia di-Daerah Brunei/Muara ada-lah di-kehendaki menyertai projek itu yang bertujuan chara 'memuchang' untuk membersekan Bandar supaya kechanteakan-nya terpilahara.

Projek ini di-jalankan semata2 untuk membimbing belia2 terhadap perasaan dan tanggung-jawab bagi menjaga kebersihan bandar khas-nya dan Negeri Brunei am-nya.

Sa-orang juruchapak M.B.B. berkata, projek ini telah mendapat sukongan dan durongan yang kuat bukan saja dari belia2 sendiri bahkan dari Jabatan Bandaran Brunei dan Jabatan2 yang lain.

Sa-banyak 58 buah Persatuan2 Belia terdapat di-Daerah Brunei/Muara dan 20 buah daripada-nya di-Kampung Ayer dan jika semua persatuan2 itu memberikan kerjasama mereka sudah berma'ana lebeh 500 orang belia akan bekerja untuk melancharkan projek itu.

Belia2 yang menyertai projek itu ada-lah di-kehendaki berkumpul jam 7.30 pagi di-Dewan Kamasharakatan Bandar Seri Begawan pada 9hb. Julai untuk satu upacara sengekat sa-belum memulakan projek itu.

Nama2 yang menyertai projek itu hendak-lah di-hantar kepada Ketua Seksi Sosial M.B.B., Peti Surat No. 346 di-Bandar Seri Begawan atau melalui Talipon No. 4545.

Belia2 itu juga di-ingatkan supaya jangan membawa alat2 pembersehh seperti penyapu dan lain2 kerana alat2 tersebut di-sediakan oleh Jabatan Bandaran.

Tarek tali

KUALA BELAIT. — Sa-banyak 16 pasukan akan mengambil bahagian dalam perlakuan tarek tali kerana sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di-Daerah Belait.

Perlakuan itu akan di-mulai pada 1hb. Julai di-Padang Jalan Penglima, Kuala Belait jam 4.45 petang.

Pulis Diraja 'A' akan bertemu dengan Jabatan Pelajaran, Lurong 5 Setia bertemu dengan Pulis Diraja 'C', Pulis Penchehah Rusohan 'B' bertemu dengan Angkatan Belait.

Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait bertemu dengan Kastam Diraja, Jabatan Talikom Kuala Belait bertemu dengan Sungai Teraban Kuala Belait, Jabatan Hutan Kuala Belait bertemu dengan Pacific Procon.

Jabatan Bandaran bertemu dengan S.R.C. Setia dan Dayak Kelab Setia bertemu dengan Penaga Kelab.



Y.A.M. Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya sedang menyampaikan perisai kapada johan silat, Awang Daud bin Budin.

Pertunjukkan Pertanian di-Daerah Tutong 29hb. Julai

PEKAN TUTONG. — Daerah Tutong akan mengadakan Pertunjukkan Pertanian pada 29hb. Julai bertempat di-bangunan lama asrama Sekolah Melayu Muda Hashim.

Pertunjukkan yang keempat di-anjurkan oleh Jabatan Pertanian Tutong itu hanya terbuka kepada penduduk2 di-sekitar daerah itu sahaja.

Pertunjukkan itu ada-lah sabahagian daripada acara perayaan sambutan hari keputer-DYMM Paduka Sultan yang-ke-26 tahun bagi Daerah Tutong.

Pengerusi Pertunjukkan, Awang Abu Bakar bin Abdul Rahman menyeru peladang2

Pasar Malam

(Dari muka 1)

dapor dan lain2 lagi, kechuali barang2 makanan.

Beliau menjelaskan bahawa Pasar Malam itu akan mengutamakan penjualan barang2 lama dan berbagai2 jenis kerajinan tangan buatan penduduk2 Brunei.

Mengenai dengan orang2 yang akan mengambil bahagian dalam Pasar Malam itu nanti, Awang Haji Abdul Aziz menjelaskan bahawa penjual2 di-situ di-harapkan akan dapat di-penuhi oleh orang2 tempatan.

"Jika orang2 tempatan tidak mengambil peluang ini, maka ia-nya boleh juga di-bukakan kepada yang bukan tempatan", kata-nya.

Awang Haji Abdul Aziz berharap supaya barang2 yang akan di-jual di-Pasar Malam itu akan di-jual dengan harga yang lebeh murah dari yang terdapat di-kedai2 pada masa ini.

Beliau menyeru penduduk2 negeri ini sama ada yang terdiri dari ahli2 persatuan2 belia dan kebajikan, mahu pun orang2 perseorangan supaya tidak melepaskan peluang yang ke-emasan ini.

Siapa2 yang ingin menyertai Pasar Malam itu boleh-lah mendaftar dari sekarang kepada Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan pada bila2 masa pejabat di-buka.

supaya menghantar beberapa jenis hasil pertanian seperti padi, jagong, ubi2an, buah2an sayuran, buah2an dan binatang2 ternakan dan berjenis2 perusahaan kampung seperti anyam2an, ubi kering, gula tebu, tepong ubi kayu dan minyak kelapa untuk di-pertunjukkan.

Beliau berkata barang2 yang hendak di-pertunjukkan hendak-lah di-hantar tidak lewat dari hari Jumaat 28hb. Julai mulai 7.30 pagi hingga 6.00 petang, kechuali sayur2an jenis daun dan sa-umpama-nya boleh-lah di-hantar pada 29hb. Julai tidak lewat dari jam 7.30 pagi.

Kenderaan untuk membawa barang2 pertunjukkan akan di-sediakan.

Mereka yang ingin mengetahui keterangan lanjut mengenai dengan pertunjukkan tersebut boleh-lah berhubung dengan Setia Usaha Pertunjukkan, Awang Suhaimi bin Abu Bakar, di-Pejabat Pertanian Tutong atau kepada Pegawai2 Luar Pertanian yang bertugas di-kawasan kampung masing2.

Bangu di-sediakan untuk penternak ayam

(Dari Muka 1)

Bangu itu, kata-nya, terbuka kepada penternak2 di-negeri ini yang bersedia menjual dengan harga yang murah pada tiap2 sa-kati dari harga2 sa-kati yang ada sekarang sama ada sa-sudah di-bersekan atau belum.

Menurut beliau bahawa satu perusahaan menternak ayam tempatan telah pun di-daftarkan untuk menjual ayam yang sedia di-sembelih dan di-bersekan dan bersedia mengikut maksud ranchangan itu.

Juara2 silat dan kuntau di-pileh untuk wakili Daerah Brunei — Muara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Daud bin Budin dari Kampung Jaya Bakti telah munchul sa-bagai juara dalam peraduan silat, sementara Awang Zakaria bin Haji Ahmad dari Kampung Setia Pahlawan telah menjadi johan dalam peraduan kuntau yang telah di-adakan di-padang besar Bandar Seri Begawan.

Naib-Johan dalam peraduan silat ia-lah Awang Adinin bin Maylin dan tempat ketiga di-menangi oleh Awang Ramlan bin Mohammad.

Dalam bahagian kuntau, tempat kedua juga telah di-menangi oleh Awang Adinin bin Maylin dan pemenang ketiga, Awangku Muhammad bin Pengiran Ludin.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Timbalan Pesuruhjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid.

Awang Daud dan Awang Zakaria akan mewakili Daerah Brunei/Muara dalam bahagian masing2 dalam peraduan terakhir silat dan kuntau yang akan di-adakan pada 15hb. Julai hadapan.

Awang Haji Abdul Aziz menyeru orang2 Islam di-negeri ini supaya tidak ragu2 untuk membeli ayam2 itu nanti, kerana penyembelihan-nya ada-lah di-lakukan oleh orang Islam atau penyembelih yang di-sahkan oleh Jabatan Hal-Ehwal Ugama.

Penyembelihan itu, kata-nya, sengahja tidak di-benarkan di-lakukan di-tempat menjual demi untuk mengelak ke-kotoran.